

MPU3142

**BAHASA MELAYU**  
**KOMUNIKASI II**

SELF INSTRUCTIONAL  
MATERIALS

ACADEMIC YEAR 2023

**FACULTY OF BUSINESS, HUMANITIES &  
HOSPITALITY**

**BACHELOR OF COMMERCE (HONOURS)  
IN BANKING AND FINANCE**



# TOPIK Persekitaran

## 6 II

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir topik ini, anda seharusnya dapat:

1. Mengenal kata adjektif pancaindera;
2. Menggunakan bahasa yang betul untuk membeli barangankeperluan;
3. Menggunakan bahasa yang betul untuk memesan makanan dan minuman; dan
4. Mengenal pasti warna asas dalam bahasa Melayu.

### PENGENALAN

Anda tentu sering berinteraksi dengan pihak lain dalam kehidupan seharian anda. Apabila anda memerlukan sesuatu, anda akan menggunakan cara yang tertentu untuk mendapatkannya. Satu cara yang paling berkesan adalah dengan menggunakan bahasa.

Oleh itu, anda perlu tahu beberapa perkara asas tentang bahasa untuk memudahkan anda melibatkan diri dalam apa-apa sahaja bentuk perbualan, sama ada untuk membeli barang, memesan makanan atau hanya untuk berbual-bual sahaja.

Maka, topik ini akan mengajar anda tentang penggunaan bahasa yang betul untuk membeli barangan dan memesan makanan serta minuman. Tidak ketinggalan, warna asas dalam bahasa Melayu turut diketengahkan untuk pengetahuan anda. Ayuh, mari kita mulakan!

## 6.1 KATA ADJEKTIF PANCAINDERA


Apakah yang dimaksudkan dengan kata adjektif?

**Kata adjektif** ialah kata yang merujuk kepada **sifat**.

Selain merujuk kepada sifat, kata adjektif juga dapat menjadi **penerang kata** namadan **kata kerja**. Kata adjektif terbahagi kepada beberapa jenis. Salah satu jenis kataadjektif ialah **kata adjektif pancaindera**.

**Kata adjektif pancaindera** merujuk kepada **deria manusia** seperti **dengar, sentuh, bau, rasa dan lihat**.

Lima jenis kata adjektif pancaindera ini dirumuskan dalam Rajah 6.1.



**Rajah 6.1:** Lima jenis kata adjektif pancaindera

Tahukah anda kata adjektif pancaindera juga dikenal sebagai **kata adjektif deria**? Mari kita lihat huraian lanjut tentang kata adjektif deria dalam Jadual 6.1.

**Jadual 6.1:** Kata Adjektif Deria

Kata Adjektif	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Kata adjektif deria dengar	Bising	<i>Noisy</i>
	Sunyi	<i>Quiet</i>
	Lunak	<i>Soft (voice)</i>
	Merdu	<i>Nice (voice)</i>
Kata adjektif deria sentuh	Kasar	<i>Rough</i>
	Lembut	<i>Soft</i>
	Licin	<i>Smooth</i>
	Keras	<i>Hard</i>
Kata adjektif deria bau	Wangi	<i>Fragrant</i>
	Busuk	<i>Smelly</i>
	Hapak	<i>Stinky</i>
Kata adjektif deria rasa	Enak	<i>Tasty</i>
	Manis	<i>Sweet</i>
	Masin	<i>Salty</i>
	Pahit	<i>Bitter</i>
	Masam	<i>Sour</i>
	Pedas	<i>Hot</i>
Kata adjektif deria lihat	Indah	<i>Beautiful</i>
	Cantik	<i>Pretty</i>
	Tampan	<i>Handsome</i>
	Hodoh	<i>Ugly</i>
	Anggun	<i>Gorgeous</i>



### AKTIVITI 6.1

1. Tulis kata adjektif deria rasa bagi bahan makanan yang dinyatakan.

Bahan Makanan	Kata Adjektif Pancaindera
Gula	
Garam	
Cili	
Cuka	
Madu	
Limau nipis	

2. Isikan kata adjektif yang sesuai pada tempat kosong dalam ayat berikut:

- (a) Suasana di pasar itu sangat \_\_\_\_\_ kerana ramai orang sedang sibuk membeli keperluan sambutan hari raya.
- (b) Masakan Melayu biasanya sangat \_\_\_\_\_ kerana menggunakan cili yang banyak.
- (c) Pemuda yang berwajah \_\_\_\_\_ itu terpilih sebagai model produk penjagaan kulit lelaki.
- (d) Watak hantu dalam filem tersebut sangat menakutkan kerana berwajah \_\_\_\_\_.
- (e) Pemandangan di tepi pantai biasanya sangat \_\_\_\_\_ terutamanya ketika waktu senja.
- (f) Sarung kaki itu berbau \_\_\_\_\_ kerana sudah lama tidak dibasuh.

3. Baca perbualan berikut. Gariskan kata-kata adjektif yang terdapat dalam perbualan ini.

Rikus : Selamat pagi, Kim. Apakah aktiviti awak hari ini?

Kim : Selamat pagi, Rikus. Saya mahu ke majlis sambutan hari raya di rumah Amirah.

Rikus : Saya juga akan ke sana. Saya suka makan rendang dan ketupat. Rasanya sangat enak.

Kim : Saya suka rendang tetapi yang kurang pedas. Saya suka juga makan kuih-muih yang kurang manis.

Rikus : Nampaknya awak mengawal selera, patutlah awak sentiasa kelihatan tampan.

Kim : Awak pun apa kurangnya Rikus, sentiasa kelihatan ceria!

Rikus : Betul, kita perlu menjaga penampilan kita setiap masa agar orang suka berkawan dengan kita!

Kim : Ya, kesihatan juga perlu di jaga!

## 6.2

### MEMBELI BARANG KEPERLUAN

Anda tentu sering ke kedai, pasar, pasar mini atau pasar malam untuk membeli barang keperluan harian. Oleh yang demikian, anda perlu mengenal barang keperluan harian seperti makanan asas, buah-buahan dan sayur-sayuran.

#### 6.2.1 Makanan Asas

Antara makanan asas yang selalu dibeli oleh orang ramai ialah:

- (a) Beras;
- (b) Gula;
- (c) Garam;
- (d) Minyak masak;


- (e) Tepung; dan  
 (f) Telur.



## AKTIVITI 6.2

1. Suaikan nama barang keperluan harian berikut yang sering

Gula	Daging	Bawang merah	Bawang putih
Beras	Ikan	Ayam	Bawang besar



2. Baca dialog berikut dan cuba lakonkan dengan rakan anda.

Pekedai : Selamat pagi. Cik mahu beli apa?  
Marisa : Selamat pagi Encik Tan. Saya mahu beli barang-barang keperluan dapur!  
Pekedai : Boleh. Apakah barang yang hendak dibeli itu? Kalau boleh saya tolong ambilkan!  
Marisa : Saya mahu membeli susu, tepung, sabun dan serbuk pencuci.  
Pekedai : Semuanya ada di sana. Biar saya ambilkan!  
Marisa : Terima kasih Encik Tan. Saya boleh ambil sendiri.  
Pekedai : Silakan. Jika perlukan bantuan, sila beritahu saya.  
Marisa : Baiklah Encik Tan. Nanti saya akan bayar di kaunter.  
Pekedai : Mari saya kira harganya.  
Marisa : Berapa harga susu ini satu tin, Encik Tan? Saya beli enam tin.  
Pekedai : Satu tin harga RM2.50. Enam tin RM15.00 sahaja.  
Marisa : Baiklah. Kira semua harga barang saya.  
Pekedai : Semuanya sekali RM34.50 sahaja.  
Marisa : Ini bayarannya, Encik Tan.  
Pekedai : Terima kasih. Sila datang lagi!

3. Dalam forum myINSPIRE, bincangkan perbezaan antara pembelian barang di kedai runcit dengan di pasar raya.

## 6.2.2 Buah-buahan

Cuba anda namakan buah-buahan yang terdapat di Malaysia. Adakah nama buah yang anda sebut sama dalam Rajah 6.2?



Durian



Rambutan



Manggis



Langsat



Mangga



Nanas



Belimbing



Betik



Tembikai



Cempedak



Pulasan



Pisang

Rajah 6.2: Buah-buahan tempatan


Rajah 6.3 pula menunjukkan buah-buahan import yang boleh dibeli di Malaysia.



Anggur



Epal



Oren



Kiwi

**Rajah 6.3:** Buah-buahan import yang terdapat di Malaysia

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Nenas	
Tembikai	
Belimbing	
Rambutan	
Betik	
Durian	
Pisang	
Cempedak	

### 6.2.3 Sayur-sayuran

Sekarang, mari kita kenali sayur-sayuran di Malaysia. Boleh anda namakan beberapa contoh yang popular? Mari kita lihat jawapannya dalam Rajah 6.4.




Sawi



Terung



Kacang panjang



Timun



Kubis



Tomato

**Rajah 6.4:** Sayur-sayuran tempatan

Apakah perkataan yang boleh kita digunakan ketika membeli barang keperluan? Antara perkataan yang boleh kita digunakan ketika membeli barang keperluan adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 6.2.

**Jadual 6.2:** Perkataan yang Boleh Digunakan ketika Membeli Barang

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Pilih	<i>Choose</i>
Beli	<i>Buy</i>
Mahal	<i>Expensive</i>
Murah	<i>Cheap</i>
Bayar	<i>Pay</i>
Kira	<i>Calculate</i>
Bungkus	<i>Wrap</i>
Timbang	<i>Weigh</i>
Tawar-menawar	<i>Bargain</i>
Harga	<i>Price</i>

Mari kita baca dialog berikut tentang cara untuk membeli buah-buahan tempatan. Cuba lakonkan dialog ini bersama-sama dengan rakan anda.

Pak Man	:	Mari! Mari! Beli durian. Harga murah-murah.
Munir	:	Berapakah harga durian ini Pak Man?
Pak Man	:	Yang besar ini sekilogram RM10.00. Yang kecil sedikit harganya RM8.00. Yang paling kecil RM5.00.
Munir	:	Rasanya sedapkah, Pak Man?
Pak Man	:	Sudah tentu! Ini durian terpilih. Isinya memang baik. Sayajamin.
Munir	:	Saya mahu beli dua biji.
Pak Man	:	Baiklah. Nanti saya timbang. Saya pilih buah yang terbaik.
Munir	:	Pastikan yang isinya tebal dan manis.
Man	:	Beratnya tiga kilogram.

Perkataan	Ayat
Harga	
Beli	
Murah	
Pilih	
Timbang	
Bayar	

2. Baca petikan berikut dan senaraikan nama sayur-sayuran yang terdapat dalam petikan tersebut. Letakkan jawapan anda dalam forum myINSPIRE untuk membandingkan jawapan anda dengan jawapan rakan anda.

Puan Nisa seorang suri rumah tangga. Dia sangat gemar memasak. Kadang-kadang pada hari minggu Puan Nisa akan memasak kari ayam dan sayur sawi. Dia juga akan memasak terung goreng. Kacang panjang biasanya dijadikan ulam. Puan Nisa akan menyediakan sambal sebagai menu tambahan. Biasanya sambal tersebut akan dimasukkan tomato sebagai penambah keenakannya. Jika anaknya ada di rumah, Puan Nisa akan menggoreng kubis kerana sayur itu menjadi kegemaran anaknya.



### SEMAK KENDIRI 6.1

1. Senaraikan sayur-sayuran yang terdapat di Malaysia yang anda tahu.
2. Cari perkataan dalam bahasa Inggeris bagi sayur-sayuran tersebut.

## 6.3

Sudah menjadi kebiasaan rakyat Malaysia pada masa kini memilih untuk makan di restoran. Oleh itu, premis perniagaan dan industri makanan berkembang dengan pantas. Terdapat pelbagai jenis restoran yang menyediakan pelbagai jenis makanan. Antara jenis kedai atau restoran atau tempat makan yang terdapat di negara ini ditunjukkan dalam Rajah 6.5.



Restoran makanan segera



Restoran atau kedai mamak



Restoran masakan Thai



Warung



Trak makanan



Pasar malam

**Rajah 6.5:** Jenis tempat makan di Malaysia

Terdapat pelbagai jenis makanan dan minuman yang popular mengikut premis perniagaan seperti yang disenaraikan dalam Jadual 6.3.

**Jadual 6.3:** Jenis Makanan dan Minuman yang Popular di Malaysia Mengikut Tempat Perniagaan

Tempat Makan	Makanan atau Minuman Popular	
Restoran atau kedai mamak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Roti canai</li> <li>• Mi goreng</li> <li>• Nasi goreng</li> <li>• Tosai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Roti tisu</li> <li>• Rojak</li> <li>• Teh tarik</li> </ul>
Restoran makanan segera	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayam goreng</li> <li>• Burger</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kentang goreng</li> <li>• Minuman bergas</li> </ul>
Restoran Thai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tomyam</li> <li>• Makanan laut</li> <li>• Nasi goreng</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bihun goreng</li> <li>• Kerabu mangga</li> <li>• Air buah</li> </ul>
Warung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nasi campur</li> <li>• Mi rebus</li> <li>• Laksa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bihun sup</li> <li>• Air batu campur</li> <li>• Cendol</li> </ul>
Pasar malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nasi campur</li> <li>• Mi goreng</li> <li>• Laksa</li> <li>• Bihun sup</li> <li>• Makanan ringan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Popia</li> <li>• Ayam goreng</li> <li>• Martabak</li> <li>• Air kelapa</li> <li>• Air tebu</li> </ul>
Trak makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Makanan barat</li> <li>• Pisang goreng</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minuman ais kisar</li> <li>• Minuman berais</li> </ul>

Anda perlu tahu tentang cara untuk memesan makanan dan minuman ketika berada di restoran. Baca dialog berikut tentang memesan makanan dan minuman. Anda boleh lakonkan situasi tersebut dengan rakan anda.

Pelayan : Sila duduk encik, mahu makan apa?  
Hilal : Terima kasih, saya mahu pesan roti canai kosong satu.  
Pelayan : Baik! Mahu minum apa?  
Hilal : Saya mahu minum teh tarik kurang manis!  
Pelayan : Baik! Ada apa-apa lagi yang mahu dipesan?  
Hilal : Tolong bungkus mi goreng satu!  
Pelayan : Baik! Lagi? ~~?~~  
Hilal : Itu saja!




### AKTIVITI 6.5

Jawab soalan berikut dalam forum myINSPIRE:

- (a) Senaraikan makanan kegemaran rakyat Malaysia ketika .
- (b) Selain roti canai kosong, apakah lagi jenis roti canai yang dijual di kedai mamak?
- (c) Senaraikan makanan kegemaran anda di negara ini dan huraikan

## 6.4 WILAJA ASAS

Akhir sekali, mari kita pelajari tentang warna asas. Anda perlu tahu perihal warna asas dalam bahasa Melayu untuk memudahkan interaksi anda. Warna asas dalam bahasa Melayu ditunjukkan dalam Rajah 6.6.



Rajah 6.6: Warna asas dalam bahasa Melayu




### SEMAK KENDIRI 6.2

Nyatakan warna asas dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam bahasa Inggeris.



### AKTIVITI 6.6



2. Nyatakan dalam forum myINSPIRE mengenai warna kegemaran

## RUMUSAN

- Kata adjektif pancaindera melibatkan deria manusia.
- Deria manusia terdiri daripada deria dengar, bau, sentuh, rasa dan deria lihat.
- Barang keperluan harian adalah seperti makanan asas, buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Antara makanan asas ialah beras, gula, tepung dan minyak masak.
- Buah-buahan di Malaysia terdiri daripada buah tempatan dan buah import. Antara buah tempatan ialah durian, mangga, manggis, langsung, nenas dan betik. Buah import pula terdiri daripada anggur, epal, oren dan kiwi.
- Antara sayuran popular di Malaysia ialah terung, sawi, kacang panjang, timun, tomato dan kubis.
- Terdapat pelbagai jenis premis yang menjual makanan di Malaysia seperti kedai mamak, restoran makanan segera, warung dan pasar malam.

- Setiap jenis tempat menjual makanan mempunyai makanan dan minumannyang tersendiri.
- Warna asas dalam bahasa Melayu terdiri daripada warna putih, hitam,kuning, biru, hijau dan merah.

## KATA KUNCI

Buah-buhan

Minuman

Deria manusia

Premis

Kata adjektif pancaindera

Sayur-sayuran

Makanan

Warna asas

Makanan asas



## RUJUKAN

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1997). *Bahasa Melayu komunikasi 1*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1998). *Bahasa Melayu komunikasi 3*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Abdul Ghalib Yunus, & Ghazali Lateh. (2008). *Esensi bahasa Malaysia PMR*. Petaling Jaya, Malaysia: Pearson Malaysia.

Zarina Othman, Roosfa Hashim, & Rusdi Abdullah. (2012). *Modul komunikasi bahasa Melayu antarabangsa*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.